



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN KESIHATAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEKERJA-PEKERJA LUAR KANAN BATUK KERING (D.3 EB.4)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEKERJA-PEKERJA LUAR KANAN BATUK KERING
KEMENTERIAN KESIHATAN
D.3 EB.4 (\$900-\$1,465 EB KHAS \$1,505-\$1,665 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Sains atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Kesihatan Awam terutama dalam aspek-aspek penyakit berjangkit seperti Penyakit TB adalah keutamaan.
3. Berkebolehan dalam penggunaan komputer (ICT) dengan baik adalah satu keutamaan.
4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian / Unit atau pegawai yang lebih kanan;
2. Bertanggungjawab serta mengawasi ke atas Pekerja-Pekerja Luar Batuk Kering;
3. Membuat lawatan dan menemubual pesakit TB yang baru di wad-wad hospital dan seterusnya mendaftarkannya;
4. Bertanggungjawab ke atas rekod-rekod maklumat pesakit serta mengemaskini rekod-rekod tersebut dari semasa ke semasa;



5. Mengawasi dan memastikan urusan seperti pendaftaran dan perjanjian pesakit-pesakit, menghubungi pesakit yang gagal hadir untuk rawatan, pengambilan ubat atau berjumpa dengan Pegawai Perubatan dipatuhi;
6. Mengawasi dan memastikan urusan pengambilan serta rejim ubat-ubatan pesakit dilaksanakan mengikut peraturan;
7. Membuat lawatan ke kediaman / tempat kerja / tempat belajar pesakit TB, serta memberikan penerangan yang lengkap dan nasihat kepada ahli keluarga pesakit TB berhubung dengan tatacara perawatan serta tindakan yang perlu diambil; dan
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.